



PENJELASAN TERHADAP UMUR PERKAHWINAN

Saidatina 'Aishah R.A.

7.642
EN

جائزہ کے ماحولان اسلام ملے سبیل

JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA







PENJELASAN TERHADAP UMUR PERKAHWINAN

Saidatina 'Aishah R.A.

PUSTAKA PERDANA



1012139



جايه الكمال
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA

PE...
LE...
FOU...
YAY...
KEP...
PER...
F...
F...
F...

Diterbitkan Oleh
JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA
www.islam.gov.my
www.e-fatwa.gov.my

Cetakan Pertama 2012
Hak Cipta Terpelihara

Hak Cipta Terpelihara tidak dibenarkan mengeluarkan ulang mana-mana bahagian artikel, ilustrasi, dan isi kandungan buku ini dalam apa juga bentuk dan dengan cara apa jua sama ada secara elektronik, fotokopi, mekanik, rakaman, atau cara lain sebelum mendapat izin bertulis daripada penerbit Ketua Pengarah, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan, 62519 Putrajaya.

Reka bentuk oleh:

Black & Brown Associates
No. 9-4, Level 4,
Pusat Dagangan UMNO Shah Alam,
Persiaran Damai, Sek. 11,
40000 Shah Alam,
Selangor Darul Ehsan, MALAYSIA
Tel: (6)03-5513 2250
Faks: (6)03-5513 2251
Email: mybbrown@gmail.com

KANDUNGAN

- Kandungan	3
- Kata Alu-Aluan Ketua Pengarah JAKIM	5
- Abstrak	7
- Pengenalan	8
- Sumber Rujukan Puak Reformis	9
- Sejarah Ringkas ‘Aishah R.A. dan Peranannya Dalam Islam	16
- Punca dan Motif Keraguan Ditimbulkan	25
- Riwayat Tentang Usia Sayyidah ‘Aishah R.A. Ketika Pernikahannya Dengan Rasulullah S.A.W.	28
- Keraguan-Keraguan Terhadap Umur Perkahwinan Saidatina ‘Aishah R.A. dan Penjelasan Mengenainya	32
1) • Bertentangan Dengan Fitrah	32
• Penjelasan	32
2) • Bertentangan Dengan Akal	32
• Penjelasan	33
3) • Tiada Contoh di Negeri Arab	34
• Penjelasan: Akil Baligh Bukan Usia Jadi Penentu	34
4) • Perawi Hisham bin ‘Urwah	37
• Penjelasan: Perawi Selain Hisham bin ‘Urwah	38
5) • Perawi Iraq	51
• Penjelasan	51
6) • Pertunangan ‘Aishah R.A.	54
• Penjelasan	54

7) • ‘Aishah R.A. Lahir Zaman Jahiliah	56
• Penjelasan	56
8) • Asmaa’ 10 Tahun Tua Daripada ‘Aishah R.A.	59
• Penjelasan	59
9) • Fatimah 5 Tahun Tua Daripada ‘Aishah R.A.	62
• Penjelasan	62
10) • Surah Al-Qamar dan Usia ‘Aishah R.A.	66
• Penjelasan	67
11) • ‘Aishah R.A. dan Isra’ Mi’raj	69
• Penjelasan	69
12) • ‘Aishah R.A. dan Perang	71
• Penjelasan	71
13) • ‘Aishah R.A. dan Kain Tenunan Bergambar	74
• Penjelasan	74
14) • Tahun Kewafatan ‘Aishah R.A.	75
• Penjelasan	75
15) • ‘Ulama Tolak Riwayat	77
• Penjelasan	77
- Kedudukan Sahih Bukhari dan Muslim Dalam Hujjah	80
- Kesimpulan	87
- Penutup	89
- Kronologi Kehidupan Sayyidah’Aishah R.A. As-Siddiqah R.A.	90

KATA ALU-ALUAN

Ketua Pengarah JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA



السَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللَّهِ وَبَرَكَاتُهُ

Segala puji-pujian dirafakkan ke hadrat Allah S.W.T., Tuhan sekalian alam dan selawat serta salam buat junjungan besar Nabi Muhammad S.A.W.

Alhamdulillah dengan taufik dan inayahNya, buku **“Penjelasan Terhadap Umur Perkahwinan Saidatina ‘Aishah R.A.”** telah berjaya diterbitkan hasil daripada kajian ilmiah yang telah dibuat sejajar dengan fakta sejarah Islam dan riwayat yang absah bagi menjelaskan keraguan-keraguan yang telah ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu berkaitan dengan umur perkahwinan Saidatina ‘Aishah R.A. Hasil kajian ini telah dibentang dan diperakukan oleh Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali ke-99 pada 4 hingga 6 Mei 2012. Muzakarah telah bersetuju supaya hasil kajian ini diterbitkan sebagai penjelasan kepada masyarakat awam bagi mengelakkan umat Islam terpengaruh dengan dakwaan-dakwaan yang tidak berasaskan kepada sumber yang sahih. Tradisi ilmu Islam sangat mementingkan sanad selain daripada kefahaman terhadap isi kandungan kitab kerana ilmu Islam bukan sahaja diwarisi secara *Dirayah*, tetapi juga secara *Riwayah* bagi mengelakkan sebarang kemungkinan berlakunya pendustaan terhadap Hadith Rasulullah S.A.W.

Saya berharap penerbitan buku ini dapat memberikan maklumat dan penjelasan kepada seluruh umat Islam terhadap isu umur perkahwinan



Saidatina ‘Aishah R.A. dengan Rasulullah S.A.W. yang ditimbulkan oleh pihak-pihak tertentu untuk menggugat fakta sejarah yang sebenar.

Akhirnya, saya mengucapkan tahniah kepada Bahagian Pengurusan Fatwa JAKIM di atas usaha dan komitmen yang telah diberikan bagi menerbitkan buku ini yang merupakan ilmu yang amat bernilai untuk pengisian minda masyarakat. Mudah-mudahan segala usaha murni ini akan beroleh rahmat dan keberkatan daripada Allah S.W.T. dan dapat diteruskan pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.



(DATO' HAJI OTHMAN BIN MUSTAPHA)

Ketua Pengarah

Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

ABSTRAK

Nabi Muhammad S.A.W. telah diutuskan Allah Ta'ala sebagai pembawa Risalah-Nya kepada seluruh umat manusia dan menjadi pemimpin contoh untuk diikuti sepanjang zaman. Hakikat ini memang diakui oleh semua pihak termasuklah akhbar Eropah “Citizen Times” yang mengiktiraf Rasulullah S.A.W. sebagai “Lelaki Paling Berpengaruh Dunia¹.” Memang tepat jika Baginda S.A.W. dijadikan teladan serta idola untuk dicontohi dalam segenap segi cara kehidupan. Namun, musuh-musuh Islam cuba mengkaji dan mencari Sunnah Rasulullah S.A.W. yang boleh “dikaitkan” dengan sikap buruk sebagai bukti Rasulullah S.A.W. seorang yang tidak berbudi-pekerti mulia. Antara Sunnah yang dilambangkan keji atau tercela oleh Barat ialah poligami dan perkahwinan Baginda SAW dengan Sayyidah ‘Aishah As-Siddiqah R.A. seawal usia enam tahun ketika itu. Rasulullah S.A.W. dilambangkan sebagai “gila seks” dan pedofilia iaitu lelaki berumur yang gemar menggauli kanak-kanak yang masih kecil. Perkara ini menyebabkan segelintir umat Islam cepat melatah lalu bermati-matian menafikan fakta sejarah tersebut atas alasan “memelihara maruah” Rasulullah S.A.W.. Mereka berusaha membuktikan bahawa umur ‘Aishah R.A. ketika itu bukanlah enam tahun seperti yang ternyata dalam catatan sejarah dan beberapa Hadith. Kertas ini membahas isu tersebut berdasarkan kajian ilmiah sejajar dengan catatan sejarah dan riwayat yang absah bagi membidas kekeliruan yang ditimbulkan sesetengah pihak.

¹ <http://www.citizenimes.eu/2012/02/29/muhammad-is-the-most-influent-man-in-history/>

PENGENALAN

Satu fakta yang tidak dapat disangkal oleh mana-mana pihak ialah majoriti umat Islam yang bersatu di bawah panji Ahlus-Sunnah Wal-Jama'ah bersepakat bahawa perkahwinan Ummul-Mu'minin Sayyidah 'Aishah Binti Abu Bakar R.A. dengan Sayyidina Rasulullah S.A.W. adalah suatu ikatan suci berdasarkan Wahyu. Termasuk kesepakatan kaum Muslimin juga bahawa Sayyidah 'Aishah R.A. berusia sembilan tahun Qamariyah apabila perkahwinannya dengan Rasulullah S.A.W. disempurnakan. Walau bagaimanapun, terdapat fahaman yang dipelopori oleh puak Anti-Hadith serta pendokong gerakan reformis Islam seperti Mawlana Muhammad Farooq Khan, Habibur-Rahman Kandahlawi, Nilofar Ahmed, Moiz Amjad dan pengikut ajaran sesat Qadiani Muhammad Ali yang cuba menimbulkan keraguan tentang usia sebenar Sayyidah 'Aishah R.A. ketika pernikahan beliau dengan Rasulullah S.A.W. dilangsungkan walaupun terdapat banyak riwayat Sahih yang dinyatakan oleh 'Aishah R.A. sendiri bahawa beliau berusia sembilan tahun ketika itu. Golongan ini seakan-akan enggan menerima hakikat bahawa Nabi S.A.W. mereka berkahwin dengan anak gadis berumur sembilan tahun sehingga mereka sanggup memalsukan fakta sejarah bahawa Sayyidah 'Aishah R.A. berusia jauh lebih dari itu iaitu sekitar 19 tahun atau lebih ketika pernikahannya dilangsungkan. Mereka turut mendakwa bahawa terdapat khilaf atau perselisihan pendapat dikalangan 'ulama tentang isu tersebut sedangkan ianya suatu perkara yang disepakati semenjak 1400 tahun dahulu tanpa pertikaian atau khilaf mana-mana pihak khususnya para 'ulama. Tidak ada seorang pun tokoh 'ulama yang menafikan isu tersebut kerana ianya telah diterima sebagai sesuatu yang pasti berlandaskan nukilan sejarah yang tidak dapat disangkal.

Perlu diperjelaskan bahawa dakwaan golongan ini tidak berlandaskan fakta yang benar lagi bernas bahkan ianya sering bersandar pada sumber-sumber sekunder (secondary sources) yang diragui keabsahannya. Kaedah kajian mereka dipertikaikan kerana ianya tidak mempunyai nilai ilmiah di sisi para ilmuwan Islam. Walaupun rujukan kitab-kitab Turath ada diselitkan,

ianya lebih tertumpu pada terjemahan kasar kitab-kitab tersebut lantaran kegagalan mereka menguasai Bahasa Arab. Untuk mendapatkan kefahaman yang khusus, seseorang pengkaji itu perlulah mengikuti metodologi ilmu yang betul. Kaedah keilmuan ini suatu hal yang diakui penting dalam disiplin keilmuan Islam. Kesilapan golongan modernis dan liberal ini semua berlaku lantaran kegagalan mereka mengikuti landasan ilmu dan metodologi yang telah ditetapkan oleh sarjana-sarjana yang muhtabar. Dalam hal ini, nampaknya Habibur-Rahman Kandahlawi serta mereka yang sefikrah dengannya mengemukakan cara mereka tersendiri yang tidak mempunyai asas-asas ilmiah yang boleh diterima-pakai bagi memperkuatkan pendapat mereka. Mereka menabur benih keraguan pada umat Islam akan kesahihan Kitab Sahih Bukhari. Sebahagian pembaca yang mengikuti permasalahan ini hanya memikirkan tentang satu permasalahan akal dan adat kebiasaan, tetapi hakikatnya permasalahan ini mencakup keberadaan pembesar-pembesar ‘ulama Islam yang telah dipercayai berabad-abad untuk diikuti. Hal ini dianggap mempermainkan Sunnah dan menolak Hadith Sahih. Kita masih ingat tentang Hadith yang diriwayatkan oleh Imam Bukhari tentang peristiwa Rasulullah S.A.W. disihir. Ada pihak yang meragui hal tersebut bahkan menolak Hadith tentang tersihirnya Rasulullah S.A.W. sebagai Hadith yang dibuat-buat, tetapi para ‘ulama Ahlus-Sunnah Wal-Jama’ah telah membidas seluruh dakwaan mereka. Makalah ringkas ini bertujuan untuk menjawab segala dakwaan golongan tersebut selain memberi penjelasan ringkas sekitar isu yang dibangkitkan.

SUMBER RUJUKAN PUAQ REFORMIS

Puak reformis yang membangkitkan isu ini banyak bersandar pada riwayat-riwayat yang terkandung di dalam kitab-kitab Sirah Nabawiyah (kitab sejarah) yang disangsikan kesahihannya berbanding dengan kitab-kitab Hadith yang muhtabar. Antara kitab-kitab Sirah yang digunakan termasuklah Sirah Ibn Hisham, Sirah Ibn Ishaq, Tarikh At-Tabari, Maghazi Al-Waqidi, Al-Bidayah Ibn Kathir dan lain-lain lagi.

Apabila kita berbicara tentang Hadith sebagai sumber hukum Islam, ramai antara kita yang faham bahawa hanya Hadith bertaraf Hasan, Sahih atau Mutawatir sahaja yang boleh dijadikan sandaran hukum. Menurut majoriti sarjana Hadith yang Muhaqqiq, Hadith Sahih yang mempunyai Qarinah seperti disepakati oleh Imam Bukhari dan Imam Muslim wajib dijadikan sandaran hukum. Manakala dalam bab fadilat-fadilat amalan, Hadith Dha'if diberi sedikit kelonggaran oleh 'ulama untuk kita menerimanya sebagai sumber seperti yang diterangkan oleh Imam Nawawi di dalam Muqaddimah Syarah Sahih Muslim. Itupun jika Dha'if itu tidak keterlaluan, dengan erti kata Sanad tidak putus terlalu banyak atau Sanad tidaklah terdiri daripada pendusta. Bahkan Hadith Dha'if yang boleh dipakai hanya jika amalan asas itu sudah ada dalam Nass yang Sahih.

Tetapi bagaimana pula dengan Sirah Rasulullah S.A.W. dan para Sahabat? Adakah Hadith Dha'if boleh dijadikan sandaran? Sudah pasti tidak! Ini kerana Sirah sangat penting dan boleh menjadi 'aqidah' kepada umat Islam walaupun ia bukan setinggi aqidah. Tetapi kesilapan dalam Sirah boleh membawa kesilapan dalam aqidah. Hal ini tidak banyak dibincangkan oleh para 'ulama. Namun, sekiranya kita meneliti Hadith-Hadith di dalam Sahih Bukhari atau Muslim, kita akan dapati Sirah hanya boleh diterima jika sandarannya adalah Sahih.

Ramai pihak mempunyai kecenderungan untuk menerima secara bulat-bulat tentang kisah-kisah yang terkandung di dalam buku-buku sejarah Islam memandangkan subjek sejarah merupakan satu bidang yang dianggap ilmiah kerana ianya termasuk dalam sukatan pelajaran di sekolah dan institut pengajian tinggi. Namun masyarakat Islam harus sentiasa diperingatkan bahawa buku-buku sejarah sebenarnya tidak bebas dari riwayat-riwayat lemah dan palsu sama ada secara tidak sengaja atau disengajakan oleh musuh-musuh Islam. Ini adalah kerana para penulis sejarah Islam adakalanya terlalu mementingkan jalan cerita dan kesinambungannya.

Terdapat juga kitab-kitab sejarah sekadar mengumpulkan sahaja apa-apa sahaja riwayat berkaitan sejarah Islam di dalam bukunya dengan menyertakan Sanad (rantai perawi yang meriwayatkan kisah tersebut) tanpa memisahkan cerita yang benar dan palsu. Di antara kitab yang menggunakan metode ini adalah Tarikh Al-Umam Wal-Muluk yang juga dikenali sebagai Tarikh At-Tabari karya Imam al-Tabari.

Justeru, adakah Sirah yang terdapat di dalam kitab Sirah seperti Sirah Ibn Ishaq, Sirah Ibn Hisham, Tarikh At-Tabari, Maghazi Al-Waqidi dan seumpamanya boleh dijadikan sumber sejarah yang pasti? Kajian-kajian menunjukkan, sekalipun banyak pujian diberikan terhadap Ibn Ishaq, namun didapati banyak percanggahan fakta dengan Sahih Bukhari dan Muslim serta kitab-kitab Hadith yang lain. Dalam menghayati Sirah Nabawiyah, langkah yang perlu diikuti ialah dengan merujuk kepada kitab-kitab Hadith terlebih dahulu dan menilainya mengikut piawaian Hadith. Ini kerana penulis kitab-kitab Sirah tidak mengikut piawaian yang ketat dalam periwayatan. Bahkan kajian moden menunjukkan maklumat-maklumat sejarah yang terkandung di dalam kitab-kitab Sirah banyak dipengaruhi fahaman Syiah yang sentiasa menyuntik elemen negatif terhadap para Sahabat bahkan terhadap Rasulullah S.A.W. sendiri.

Oleh yang demikian sebelum kita meneroka tentang Sirah, kesahihan dan keabsahan maklumat hendaklah dipastikan terlebih dahulu berasaskan kaedah-kaedah Hadith. Memang tidak dinafikan, jikalau kita mengikut piawaian yang digariskan oleh kitab-kitab Hadith, Sirah tidaklah menjadi begitu dramatik, tetapi apa yang penting bagi peribadi insan paling agung S.A.W. bukanlah 'drama'nya tetapi faktanya.

Antara kitab-kitab Turath yang boleh dijadikan rujukan bagi sejarah Nabi S.A.W. adalah Al-Bidayah Wa Al-Nihayah oleh Ibn Kathir dan juga Tarikh Ibn Khaldun. Seperti yang kita maklum bahawa metodologi Ibn Kathir agak ketat berbanding metodologi penulis Sirah yang lain. Walau bagaimanapun, masih ada beberapa fakta dalam Al-Bidayah itu yang tidak boleh dipakai.



JABATAN KEMAJUAN ISLAM MALAYSIA
BAHAGIAN PENGURUSAN FATWA
ARAS 5 BLOK D7, KOMPLEKS D
PUSAT Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62519 PUTRAJAYA
TEL: 03-8886 4000
FAKS: 03-8889 2032

[www. e-fatwa.gov.my](http://www.e-fatwa.gov.my)